

**KUCHING, 16 FEB (BERNAMA) -- KESATUAN EROPAH (EC) SEKALI LAGI MENEGASKAN BAHAWA IA TIDAK AKAN MENARIK BALIK KEPENTINGANNYA DARI BAHAGIAN LAIN DUNIA, TERMASUK ASEAN, EKORAN PERKEMBANGAN TERBARU DI EROPAH TIMUR, KATA PESURUHJAYA EC BAGI HUBUNGAN UTARA-SELATAN, ABEL MATUTES, HARI INI.**

**+SAYA INGIN NYATAKAN DENGAN LEBIH JELAS DI SINI BAHAWA EC AKAN MEMENUHI TANGGUNGJAWABNYA MENGENAI BENUANYA SENDIRI DAN TANGGUNGJAWAB DI TEWPAAT-TEMPAT LAIN DIDUNIA, +KATANYA PADA MESYUARAT MENTERI 'ASEAN-EC KE-8 DI SINI. PERDANAMENTERI DATUK SERI, DR MAHATHIR MOHAHAD MERASMIKAN HESYUARAT DUA HARI ITU.**

**WALAUPUN PERKEMBANGAN DI EROPAH TIMUR TELAH MENGUBAHRANGKA PERHUBUNGAN ANTARABANGSA YANG TELAH DIASASKAN OLEH EC SEJAK ZAMAN SEBELUM PERANG, BELIAU MEMBERI JAMINAN KEPADA NEGARA-NEGARA ASEAN BAHAWA EC TIDAK AKAN MENUTUP PINTUNYA KEPADA EKSPORT ASEAN.**

**SEBAGAI TAMBAHAN, PASAR ANTUNGGAAL EROPAH AKAN MEHBWA PELUANG EKONOMI YANG BARU BAGI ASEAN DAN MEMBANTU KOMITMEN EC YANG SEDIA ADA DI PERINGKAT ANTARABANGSA, TERUTAMA DALAM LINGKUNGAN RANGKA KERJA PERJANJIAN AM MENGENAI TARIF DAN PERDAGANGAN (GATT).**

**+KEKUATAN EKONOMI YANG AKAN MUNCUL EKORAN DARIPADANYA MULAI 1992 AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA KESATUAN EROPAH UNTUK MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWABNYA SEPENUHNYA SEBAGAI RAKAN UTAMA BUKAN SAJA DALAM LINGKUNGAN BENUA EROPAH, TETAPI JUGA DUNIA SELURUHNYA. + -- LAGI.**

1541MST 16 02 90

R 8133 DEB  
ASEAN - MATUTES 2 KUCHING

**MENGENAI FORUM KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK (APEC), BELIAU BERKATA APEC KINI MUNCUL DENGAN PROGRAM BESAR UNTUK MENJALIN KERJASAMA ANTARA RAKAN-RAKAN UTAMA DI SEKITAR RANTAU PASIFIK.**

**BELIAU BERKATA, SEBAGAI RAKAN DAGANG YANG UTAMA BAGI ASIA PASIFIK DAN ASEAN, KHUSUSNYA, EC AKAN TERUS MENGIKUTI PERKEMBANGAN INI DENGAN PENUH MINAT.**

**+SATU HAL YANG JELAS IALAH, DALAM LINGKUNGAN RANTAU ASIA PASIFIK, ASEAN MERUPAKAN RAKAN KONGSI YANG UTAMA DAN MESTI KEKAL SEBAGAI SALAH SATU TIANG PENYOKONGNYA YANG KUAT. KAMI MASYARAKAT EROPAH MENGHARGAI HUBUNGAN POLITIK DAN EKONOMI KAMI DENGAN ASEAN, DAN AKAN TERUS KOMITED UNTUK MEMPERTEGUH ASEAN SENDIRI DAN JUGA HUBUNGAN EC-ASEAN. +**

**MENGENAI HUBUNGAN LUAR, BELIAU BERKATA EC SEDANG MENJALIN HUBUNGAN BARU DENGAN EROPAH TIMUR, DAN BARU-BARU INI MENGIKAT PERJANJIAN 10 TAHUN DENGAN AFRIKA, NEGARA-NEGARA CARRIBEAN DAN PASIFIK YANG MERUPAKAN ANGGOTA-ANGGOTA KONVENSYEN LOME, DAN AKAN MENYEMAKSERTA MEMPERKEMAS DASAR-DASARNYA BERHUBUNG DENGAN ASIA, AMERIKA LATIN DAN MEDITERRANEAN,**

**MENGENAI POLITIK, BELIAU BERKATA EC DAN ASEAN MEMPUYAI TUGAS YANG SAMA DALAM MELAHIRKAN RESOLUSI KEAMANAN TERHADAP KONFLIK, DALAM MENERUSKAN DEMOKRASI, DAN DALAM PERTUHUHAN PASARAN EKONOMI BEBAS SERTA KEADILAN SOSIAL. -- LAGI.**

1644MST 16 02 90

R 8134 AAB  
ASEAN - MATUTES 3 KUCHXNG

DALAM MASA YANG SAMA, KEDUA-DUA PIHAK TELAH HEMAINKAN PERANAN Masing-masing BERHUBUNG DENGAN MANGSA-MANGSA PERANG SERTA MANGSA TEKANAN DAN KEMELARATAN EKONOMI DENGAN MENGAMBIL BERAT TERHADAP BILANGAN ORANG PELARIAN DI ASIA SELATAN.

MENGENAI ARAH ALXTRAN DUNIA KEPADA CORAK PELBAGAI POLAR APABILA HUBUNGAN AKAN LEBIH TERTUMPU ANTARA KUMPULAN-KUMPULAN SERANTAU DAN RANTAU-RANTAU YANG BESAR, TIDAK LAGI DALAM LINGKUNGAN TIGA PIHAK (EC, AS DAN JEPUN), BELIAU BERKATA SEMUA PIHAK DAN RANTAU ITU PERLU MENINGKATKAN LAGI HUBUNGAN MEREKA.

+TIDAK ADA YANG LEBIH MEMBAHAYAKAN DUNIA DARIPADA MELIHAT KONFRANTASI TENTERA DIGANTIKAN DENGAN KONFRANTASI EKONOMI, +KATANYA, DAN MENAMBAH BAHAWA KEMERDEKAAN, KESEJAHTERAAN DAN KESTABILAN ASEAN DAN EC AKAN DAPAT DIWUJUDKAN DENGAN LEBIH BAIK MELALUI PENGUKUHAN HUBUNGAN ASEAN-EC. -- BERNAMA.

1655MST 16 02 90